

# Tanda-tanda amaran perniagaan anda mungkin menghadapi masalah: tanda awal

Sekiranya anda mengalami tanda-tanda ini, tindakan awal dapat membantu anda kembali ke landasan yang betul dan mengelakkan masalah yang lebih besar.



## Aliran tunai yang lemah

- Penyata dan ramalan aliran tunai menunjukkan kekurangan tunai yang berterusan.
- Pelanggan kerap membayar lewat.
- Anda tidak sedar atas kedudukan tunai anda.
- Anda terus bergelut untuk membayar hutang pada waktu yang tepat.
- Anda membuat pembayaran tidak tetap kepada pembiutang atau membuat bayaran untuk sebahagian sahaja untuk memanjangkan tempoh bayaran.

## Perubahan tingkah laku pelanggan

- Permintaan untuk produk atau perkhidmatan anda semakin menurun.
- Anda telah kehilangan pelanggan-pelanggan utama.
- Aduan pelanggan semakin meningkat.
- Lebih ramai pelanggan meminta bayaran balik kerana kualiti kerja yang tidak memuaskan.



## Petunjuk lain

- Anda mempunyai pegangan stok yang terlalu tinggi.
  - Anda telah hilang tumpuan pada perniagaan anda.
- Anda tidak mendapatkan nasihat profesional, atau mengelakkan diri daripada akauntan anda.
  - Anda mengalami petukaran kakitangan yang tinggi dan / atau semangat pekerja rendah
  - Anda tidak mengambil gaji dari perniagaan anda.
  - Anda baru mengalami bencana yang tidak diinsurangkan.



## BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MEMBAWA PERNIAGAAN SAYA KE ARAH YANG BETUL

- **Bincang dengan akauntan anda secepat mungkin**
- Dapatkan nasihat lebih awal - lebih banyak pilihan akan tersedia.
- Jangan bertindak lewat - ini hanya akan memburukkan keadaan

## Kelemahan kedudukan kewangan

- Keuntungan jatuh.
- Jualan menurun.
- Anda menghadapi kesukaran untuk memperolehi pembiayaan baru daripada peminjam-peminjam anda.
- Anda telah mencapai had kemudahan kredit atau telah melebihi had tersebut.
- Kos menjalankan perniagaan anda terus meningkat tetapi anda tidak dapat melihat peningkatan pendapatan yang setara.

## Tidak mematuhi tanggungjawab pematuhan

- Anda tidak memenuhi kewajiban pematuhan terkini, contohnya seperti pengemukaan borang cukai jualan atau cukai perkhidmatan.
- Perakaunan dan penyimpanan rekod anda lemah atau tidak wujud.

Tanda-tanda amaran seperti ini mungkin akan mempengaruhi kesejahteraan mental anda. [Dapatkan bantuan](#), sekiranya anda atau seseorang yang anda kenali memerlukan bantuan.

Kebanyakan perniagaan dapat kembali ke landasan yang betul dengan campur tangan awal dan nasihat yang tepat,. Namun bagi sebilangan peniaga, pilihan terbaik adalah untuk menggulung perniagaan mereka. Sekiranya ini adalah pilihan terbaik untuk perniagaan anda, sila muat turun [Panduan untuk menggulung Perniagaan Anda](#)

# Tanda-tanda amaran perniagaan anda mungkin menghadapi masalah: tanda-tanda kritikal



**APA YANG BOLEH SAYA LAKUKAN?** Sekiranya anda mengalami salah satu tanda amaran ini, kami menggesa anda untuk segera menghubungi akauntan anda:



PEMBEKAL MENUNTUT  
BAYARAN SECARA TUNAI  
ATAU MEREKA TIDAK AKAN  
MENJUAL KEPADA ANDA



ANDA MENGGUNAKAN  
WANG TUNAI DARI  
JUALAN BARU UNTUK  
MENJELASKAN BAYARAN  
UNTUK MENYELESAIKAN  
KERJA LAMA



JURUAUDIT ANDA TELAH  
MENGELUARKAN  
PENDAPAT AUDIT  
BERSYARAT



ANDA CUBA MENDAPATKAN  
PEMBIAYAAN DARI SUMBER  
YANG KURANG BERKELAYAKAN



ANDA MENGHADAPI  
KESUKARAN MEMBAYAR  
PEKERJA TEPAT PADA  
MASANYA



ANDA TIDAK MEMBAYAR  
SEWA TEPAT PADA  
MASANYA



ANDA KERAP KALI MELAKUKAN  
SUNTIKAN WANG SENDIRI KE  
DALAM PERNIAGAAN ATAU  
MENANGGUNG PERBELANJAAN  
PERNIAGAAN DENGAN WANG  
SENDIRI



ANDA KERAP CUBA  
MENJADUALKAN SEMULA  
PEMBAYARAN KEPADA  
PEMBEKAL, PEMIUTANG &  
PIHAK BERKUASA CUKAI



ANDA MENGGUNAKAN KUTIPAN  
SST, CUKAI PENDAPATAN YANG  
DIPEGANG DARI GAJI PEKERJA DAN  
SUMBANGAN EPF/SOCOSO UNTUK  
MEMBANTU ANDA MEMBAYAR  
HUTANG LAIN

## BAGAIMANA UNTUK MENGEMBALIKAN PERNIAGAAN SAYA KE LANDASAN YANG BETUL?

Cara terbaik adalah menghubungi akauntan anda [dengan segera](#).

Anda juga boleh mendapatkan idea yang berguna untuk menangani cabaran ini dari panduan CPA Australia yang berikut:

- [Tip untuk Perniagaan dalam Suasana Mencabar](#)
- [Tip untuk Perusahaan Kecil dalam Keadaan Tidak Menentu](#)
- [Panduan Pemulihan COVID-19 untuk Perusahaan Kecil](#)
- [Panduan Pemulihan COVID-19 untuk Perusahaan Kecil](#)
- [Tip Menguruskan Kredit dan Akaun Belum Terima](#)
- [Tip Membina Rangkaian Bekalan yang Anjal dan Berdaya Tahan](#)
- [Senarai Semak Amalan Baik untuk Perusahaan Kecil](#)
- [Panduan Kesihatan Mental](#)